



اوتوريتي مونيتاري بروني دارالسلام  
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

### TAWARAN LESEN PERNIAGAAN MENUKAR WANG BAGI TAHUN 2016

ADALAH dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menawarkan **dua (2) Lesen Perniagaan Menukar Wang untuk menjalankan perniagaan di Daerah Belait bagi tahun 2016**. Orang ramai yang berhasrat untuk mendapatkan lesen perniagaan di atas bolehlah mendapatkan borang permohonan daripada Jabatan Regulatori, AMBD, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive BB3910, Negara Brunei Darussalam. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Regulatori tidak lewat pada hari **Khamis, 3 Mac 2016, jam 3.30 petang**. Borang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan diterima.

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1) Permohonan adalah bagi menjalankan perniagaan menukar wang di Daerah Belait sahaja.
- 2) Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 3) Pemohon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 4 Kredit GCE 'O' Level termasuk matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.
- 4) Mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan yang dipohonkan adalah satu kelebihan.
- 5) Bayaran BND100.00 (Ringgit Brunei Satu Ratus Sahaja) dikenakan bagi setiap Borang Permohonan secara tunai dan tidak akan dikembalikan.

- 6) Pembayaran hendaklah dilakukan di tempat yang sama seperti di atas pada hari waktu bekerja seperti berikut:-

<b>Day Hari</b>	<b>Waktu Time</b>	
	<b>Pagi Morning</b>	<b>Petang Afternoon</b>
Isnin hingga Khamis <i>Monday to Thursday</i>	8.30 - 11.00	2.00 - 3.30
Jumaat <i>Friday</i>	8.30 - 10.30	-

- 7) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan teratur berserta lampiran yang berkenaan.
- 8) Pemohon hendaklah mempunyai kemampuan untuk menyediakan modal perniagaan yang mencukupi.
- 9) Pemohon hendaklah tidak muflis.
- 10) Pemohon hendaklah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai pengurusan dan perjalanan (*modus operandi*) perniagaan yang dipohonkan.
- 11) Pemohon dikehendaki untuk menduduki ujian bertulis yang dikendalikan oleh AMBD pada masa yang akan ditetapkan. Pemohon akan dihubungi untuk menentukan tarikh, tempat dan masa bagi menduduki ujian berkenaan.
- 12) Pemohon tidak dibenarkan mewakili kepada sesorang untuk menduduki ujian bertulis. Ianya hendaklah diduduki oleh pemohon itu sendiri.
- 13) Hanya pemohon yang lulus dalam ujian bertulis sahaja akan dijemput bagi sesi temuduga dan pertimbangan selanjutnya.
- 14) Pemohon yang pernah memohon sebelum ini bolehlah memohon untuk mendapatkan lesen perniagaan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama yang dikenakan kepada pemohon-pemohon baru.
- 15) Pemohon yang berjaya akan dikenakan bayaran lesen tahunan sebanyak BND2,000.00.
- 16) Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat lain yang dikenakan oleh AMBD dari masa ke semasa.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Regulatori, AMBD di talian nombor 2382253.